

# Kerajaan kaji wujud Agenda Nasional Baru

Pak Lah sedia mempertimbangkan cadangan itu dan perlu bincangkan dengan EPU terlebih dulu

BH - 23/7/2005

**K**ERAJAAN akan mengkaji cadangan Pergerakan Pemuda Umno supaya diwujudkan Agenda Nasional Baru (ANB) bagi menjayakan agenda Melayu, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Sambil menyifatkan cadangan itu sebagai menarik dan sejajar dengan pembaharuan yang ingin dilakukan, Presiden Umno berkata, kerajaan juga akan menilai maklum balas daripada Unit Perancangan Ekonomi (EPU).

"Sebenarnya, apa yang kita nak lakukan sekarang ialah perkara yang berkaitan pembaharuan bukan hanya dari segi sikap tetapi langkah serta pendekatan yang akan diambil termasuk pendekatan baru yang dulu kita tidak gunakan.

"Maka dengan itu, saya bersedia untuk mempertimbangkan cadangan berkenaan dan perlu bincangkan dengan EPU," katanya pada sidang media di akhir hari kedua Perhimpunan Agung Umno 2005, semalam.

Perdana Menteri berkata, idea Pemuda Umno itu adalah mengenai penghayatan semangat Dasar Ekonomi Baru (DEB), iaitu perubahan

bagi membawa kejayaan ekonomi untuk orang Melayu dan Bumiputera.

Justeru, katanya, ia bukan dasar yang asing dan semangat DEB sudah pun diterima semua pihak di negara ini.

"Dari segi ekuiti dan pengagihan,

**“**Sebenarnya, apa yang kita nak lakukan sekarang ialah perkara yang berkaitan pembaharuan bukan hanya dari segi sikap tetapi langkah serta pendekatan yang akan diambi”

**Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi**  
Presiden Umno

itu adalah pendekatan yang diambil tetapi semangat DEB, iaitu keinginan untuk maju dan berjaya adalah perkara yang menjadi hasrat yang kita dengar di mana-mana pun pada waktu ini," katanya.

Mengenai kelemahan pengagihan kontrak dan lesen serta bantuan kerajaan seperti yang dibangkitkan dalam ucapan dasarnya, Abdullah berkata, ia bukan disebabkan dasar sedia ada, sebaliknya aspek pelaksanaannya.

"Tiada yang salah dengan dasar tetapi bila sampai ke aspek pengagihan itu, saya yakin mereka yang terbabit dan ada kuasa, tidak dapat memberi manfaat pembangunan yang dianggap sebagai saksama," katanya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan mengkaji semula aspek pengagihan dan melakukan perubahan yang perlu bagi memastikan ia saksama.

"Kita mahu melakukan yang lebih baik, kita mahu melakukan yang terbaik, jika ada pendekatan yang lebih baik atau terbaik maka sewajarnya kita kena terima," katanya.

Mengenai cadangan beliau supaya kontraktor pembinaan mempelbagaikan perniagaan mereka, Abdullah yang juga Menteri Kewangan berkata, perubahan itu wajar dilakukan kerana sektor itu sudah tepu dan mula menguncup.

"Jika mereka kekal dengan kedudukan sekarang, peluang yang mereka harapkan itu tidak ada lagi. Kalau wujud pun, tidak banyak berbanding dengan bilangan kontraktor yang begitu ramai," katanya.

Menjawab soalan berhubung isu permit import (AP) yang dibangkitkan perwakilan semasa perbincangan, Abdullah berkata, ia sentiasa dipantau dan kerajaan akan turut memikirkan apa yang perlu dilakukan.

"Senarai AP sudah dikeluarkan dan kita ada maklumat yang diperlukan. Kita juga menimbang Dasar Automotif Negara, mungkin ada sebab untuk kita membuat sedikit penyesuaian," katanya.

Mengenai mandat yang diberikan perwakilan Umno untuk beliau melakukan perubahan, termasuk di Kabinet, Abdullah berkata: "Tak ada komen pada waktu ini."